

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BERTULIS DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BERTULIS

**DARIPADA : YB DATO' WIRA HAJI MOHD. ANUAR BIN
MOHD. TAHIR (TEMERLOH)**

SOALAN

DATO' WIRA HAJI MOHD. ANUAR BIN MOHD. TAHIR [TEMERLOH] minta **MENTERI KANAN KERJA RAYA** menyatakan tindakan penambah baik ke atas prestasi kontraktor penyelenggaraan bangunan-bangunan dibawah kelolaan JKR yang tidak mencapai KPI (75.7% berbanding 90%) seperti yang telah dinyatakan dalam laporan audit baru-baru ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penyenggaraan kuarters milikan Bahagian Pengurusan Hartanah, Jabatan Perdana Menteri seperti yang dilaporkan di dalam Laporan Audit yang tersebut adalah di bawah seliaan atau pemantauan Jabatan Kerja Raya (JKR) Wilayah Persekutuan Putrajaya.

Berdasarkan maklumat daripada JKR Wilayah Persekutuan Putrajaya, prestasi dua (2) kontraktor penyelenggaraan yang masih berkontrak dengan JKR Wilayah Persekutuan Putrajaya sehingga Disember 2023 dan Januari 2024 adalah dipantau dengan rapi oleh Pengarah dan *team* kuarters JKR Wilayah Persekutuan Putrajaya. Antara tindakan-tindakan yang telah dibuat oleh JKR adalah seperti berikut:

- 1) Mesyuarat bulanan pemantauan aduan;
- 2) Mesyuarat mingguan pemantauan senarai aduan kritikal dan yang belum selesai;
- 3) Mengadakan tindakan turun padang dengan kerap;
- 4) Mengeluarkan surat peringatan kepada kontraktor bagi aduan yang tidak mematuhi KPI yang ditetapkan;
- 5) Penstrukturan semula dengan menempatkan pegawai-pegawai di *bahagian* kuarters yang kompeten dan berprestasi tinggi.

Hasil daripada tindakan yang telah dilaksanakan, peratus aduan keseluruhan sehingga 30 September 2021 bagi kedua-dua kontraktor yang masih aktif adalah 97% dan 93%, masing-masingnya melebihi KPI 90%.

Sekian, terima kasih.